

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Wednesday, December 9, 2015 9:36 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Azhar B Anis Mohammad; SITI ZULAIHA BINTI AHMAD
Subject: HEP ONLINE: SME BANK ANJUR PROGRAM PENDAKIAN KE GUNUNG STONG



“UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

9 DISEMBER 2015, RABU | 27 SAFAR 1437H

Berita oleh : Nabilah Ekhwa Fikrina binti Hassan

Gambar oleh : Ahmad Zulhimi bin Abdul Gafour



DPP SME BANK: Dewan Penginapan Pelajar (DPP) SME Bank, Universiti Utara Malaysia telah menganjurkan pendakian ke Gunung Stong melalui program “Adventure Time to Gunung Stong” yang telah mendapat kerjasama dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK), kampus Jeli. Program yang berlangsung pada 6 & 7 November 2015 ini melibatkan seramai 33 mahasiswa iaitu 17 siswa dan 16

siswi serta dua orang pegawai pengiring yang kebanyakannya adalah pertama kali melakukan pendakian dalam hidup mereka.

Pendakian gunung setinggi 4664 kaki (1421 meter) tersebut mencabar fizikal dan mental semua peserta. Hal ini kerana, selain bentuk geografinya yang berubah-ubah di mana setiap pendaki harus melepasi beberapa halangan ekologi seperti tanah yang licin dan berliku, lopak air, pokok tumbang yang menghalang laluan, akar kayu yang besar serta ketinggian yang mengejutkan di awal pendakian, secara langsung atau tidak langsung telah menguji ketahanan mental dan fizikal pendaki.

Selama dua hari dan satu malam semua peserta didedahkan dengan teknik mandiri (survival skill) di samping mempelajari serba sedikit ilmu yang penting dalam meningkatkan stamina diri. Selain itu, pendaki juga mendapat pengalaman manis di air terjun yang tertinggi di Malaysia serta di Asia Tenggara iaitu Air Terjun Jelawang atau Air Terjun Gunung Stong yang setinggi 303 meter dari aras laut. Aktiviti mandi-manda tersebut diawasi dengan rapi oleh dua orang 'mountain guide' untuk memastikan tiada kemalangan berlaku.

Sementara itu, pegawai pengiring, Cik Izyan Izzati Zainuddin berharap agar lebih ramai mahasiswi menyertai program seperti ini kerana wanita yang hebat adalah wanita yang mempunyai ketahanan mental dan ketahanan jasmani yang tinggi.

Program diakhiri dengan ucapan penghargaan oleh pengarah program, Nabilah Ekhwa Fikrina binti Hassan kepada semua yang menyertai program ini dan beliau berharap agar program seperti ini akan berlangsung lagi pada masa yang akan datang demi mencapai matlamat melahirkan pelajar yang sihat dan aktif. Peserta telah membuktikan mereka mempunyai ketahanan dan keyakinan diri yang tinggi untuk meneruskan pendakian ini dan juga mampu untuk meneruskan hidup dalam apa jua keadaan.

Sekian.

Daripada
Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah

Tel: 04 – 928 4011

Faks: 04 – 928 4016

Web: www.hep.uum.edu.my

Emel: hep@uum.edu.my

Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

Blog: <http://hepuum.blogspot.com/>

